



SYAFEEQ Rizqi menyertai perarakan Kontinjen Kelab Basikal Tua Seremban (KBTS) ketika perbarisan Hari Kemerdekaan Peringkat Negeri Sembilan di Padang MPS. - Gambar NSTP/AHMAD HASBI

Seremban: Sambutan ulang tahun kelahiran seorang kanak-kanak yang jatuh pada 31 Ogos tahun ini lebih bermakna apabila dia diberikan peluang mengetua Kelab Basikal Tua Seremban (KBTS) dalam perbarisan Hari Kemerdekaan di Padang MPS, di sini, semalam.

Syafeeq Rizqi Saiful Riza, 11, yang lengkap berbusana baju Melayu dan bersongkok diarak menggunakan beca sambil memegang plakat KBTS dalam sambutan Hari Kemerdekaan Peringkat Negeri Sembilan.

Pelajar Sekolah Kebangsaan (SK) Lavender Heights itu berkata, dia bersyukur lahir di negara ini dan membesar dengan aman selain lahir pada tanggal bersejarah negara membuatkan dia rasa istimewa.

Budak lahir 31 Ogos ketuai perarakan kelab basikal tua

"Setiap kali tiba bulan kemerdekaan, nama saya disebut sama ada dalam kalangan ahli keluarga, rakan atau guru kerana lahir pada 31 Ogos. Ia membuatkan saya sangat bangga."

"Sebelum ini saya berminat merasai pengalaman menyambut hari lahir dengan sesuatu yang patriotik atau berkaitan kemerdekaan, dan tahun ini saya diberi kesempatan melakukannya," katanya, semalam.

Syafeeq Rizqi berkata, ke-

rana teruja dengan perbarisan sambutan hari lahirnya itu, dia bangun seawal jam lima pagi untuk bersiap sebelum bapanya membawa ke lokasi perarakan.

"Ada perasaan cemas dan takut juga kerana ini kali pertama saya menyertai perbarisan sebesar ini. Namun,

saya teruja dan berbangga kerana dapat pengalaman yang diingati sampai bila-bila," katanya.

Sementara itu, Pengurus KBTS, Arif Bidin berkata,

dia mengumpulkan 110 basikal tua daripada pelbagai jenis dan model dengan tema kemerdekaan termasuk beca yang membawa duta cilik.

"Syafeeq anak saudara seorang ahli KBTS dan kami difahamkan tarikh lahirnya sama tarikh kemerdekaan, jadi saya cadangkan dia menyertai perbarisan kali ini.

"Ternyata dia sangat teruja dan setuju menyertainya. Ia memberi kelainan kepada kontinjen kami. KBTS berbangga dapat menyumbangkan sesuatu kepada negeri ini dalam sambutan kemerdekaan," kata-

“Saya teruja dan bangga dapat pengalaman yang diingati sampai bila-bila”
Syafeeq Rizqi